

Headline	Dr. Zulkifli mufti baharu WP		
MediaTitle	Utusan Malaysia		
Date	20 Jun 2014	Color	Full Color
Section	Dlm Negeri	Circulation	178,211
Page No	2	Readership	534,633
Language	Malay	ArticleSize	115 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 2,294
Frequency	Daily	PR Value	RM 6,882



## Dr. Zulkifli mufti baharu WP

KUALA LUMPUR 19 Jun - Pendakwah bebas yang juga kolumnis Meja Agama *Utusan Malaysia*, Dr. Zulkifli Mohamad Albakri (**gambar**), 45, dilantik sebagai Mufti Wilayah Persekutuan yang baharu bagi tempoh dua tahun berkuat kuasa esok.

Beliau yang berasal dari Kemaman, Terengganu, menggantikan Datuk Wan Zahidi Wan Teh yang tamat tempoh perkh-

i d m a t a n pada 20 Mac lalu selepas berkhidmat selama sembilan tahun.

Dr. Zulkifli berkelulusan ijazah doktor falsafah dalam b i d a n g pengkhususan pengeluaran fatwa dari Universiti Sains Malaysia (USM) adalah Mufti Wilayah Persekutuan yang ketujuh.

Selain itu, beliau adalah pemegang ijazah Sarjana Muda Syariah dari Universiti Islam Madinah dan ijazah Sarjana Syariah dari Universiti Ilmu-ilmu Islam dan Arab, Syria.

Beliau juga pernah bertugas sebagai pensyarah Jabatan Syariah dan Undang-undang, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) selain aktif menulis dan bergiat sebagai pendakwah bebas.

Dalam masa yang sama beliau berpengalaman sebagai Pakar Rujuk Syariah, Jabatan Kemajuan Agama Islam Malaysia (Jakim) dan Panel Penasihat Ibadat Haji, Lembaga Tabung Haji.

Beliau juga ialah Ahli Jawatankuasa Fatwa Negeri Terengganu selain terlibat sebagai penasihat syariah dalam beberapa institusi kewangan. Kini beliau banyak menulis dan menyampaikan kuliah dan ceramah sama ada di televisyen mahupun di seluruh tanah air.

Difahamkan tugas rasmi pertama beliau sebagai mufti adalah melihat anak bulan Ramadan pada 27 Jun ini bagi menentukan tarikh permulaan puasa bagi tahun ini.

Atas sumbangan dan ketokohan dalam ilmu Islam, beliau dipilih sebagai Tokoh Maal Hijrah 1435H/2014 peringkat negeri Terengganu dan Tokoh Maulidur Rasul Peringkat Wilayah Persekutuan 1433H/2012M.

